

17/09/2001

Malaysia juara keseluruhan Sukan Sea XXI

KUALA LUMPUR, Ahad - Kontinjen Malaysia mengharumkan nama negara apabila melakar sejarah baru untuk muncul juara keseluruhan, hari ini, dalam temasya Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 buat julung kalinya.

Sehingga jam 9 malam, 20 lagi pingat emas berjaya dikumpul untuk menjadikan himpunan keseluruhan kepada 108 emas, 74 perak dan 83 gangsa dan sekali gus menamatkan harapan juara bertahan, Thailand memintas.

Malaysia ada peluang menambah lagi bilangan emas, esok apabila atlit kita beraksi dalam dua acara, iaitu terjun yang menawarkan dua emas dan renang berirama, satu.

Sambil itu, peninju negara, Adnan Jusoh (gambar kanan) berjaya menjadi atlit yang menyumbang emas ke-100 untuk kontinjen negara apabila memenangi kategori 60 kilogram selepas menewaskan peninju pilihan Thailand, Somchai Nakhalee.

Thailand pula mengutip 101-84-86 untuk menduduki tempat kedua dan tidak ada sebarang peluang lagi mengejar tuan rumah sekalipun mereka diramal memenangi dua emas daripada acara ekuestrian, esok.

Bekas juara, Indonesia terus kekal di tempat ketiga dengan kutipan 72 emas, 72 perak dan 79 gangsa, diikuti tuan rumah Sukan Sea 2003, Vietnam (33-35-64), Filipina (30-66-66), Singapura (22-31-42), Myanmar (19-14-53), Laos (1-1-3-7), Kemboja (1-1-5) dan Brunei (0-5-6).

Malam tadi, atlit dan pegawai dari kontinjen Malaysia berkumpul dan berpesta di Hotel Legend, di sini, menyambut kejayaan bersejarah mengutip keseluruhan 108 emas. Turut bersama mereka adalah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussien.

Ketua kontinjen negara, Datuk Wira Mazlan Ahmad yang mengiringi menteri itu, mengesahkan status Malaysia sebagai juara keseluruhan yang baru di rantau ini.

Katanya, kejayaan gemilang ini meneruskan tradisi persembahan terbaik kontinjen negara di pentas antarabangsa, bermula dengan Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur apabila kita mengutip 10 emas dan mendapat tempat keempat.

Upacara penutup Sukan Sea Ke-XXI yang dijangka penuh warna-warni akan bermula jam 6 petang di Stadium Nasional, Bukit Jalil esok dan akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)